

# **PANDUAN PERKHIDMATAN MAKMAL**

---

**PUSAT MAKMAL DIAGNOSTIK**  
*(Central Diagnostic Laboratory)*

**HOSPITAL PAKAR USM**

Versi 2 /2025  
( HUSM/CPath/DD 01 )

## Prakata Pengarah HPUSM

### SEBINGKIS KATA



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, Buku Panduan Perkhidmatan Pusat Makmal Diagnostik atau *Central Diagnostic Laboratory* (CDL), Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM) ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Penerbitan buku panduan ini bertujuan menyediakan sumber rujukan yang komprehensif berkaitan fungsi, struktur organisasi, jenis perkhidmatan serta prosedur operasi yang diamalkan di CDL. Buku panduan ini bukan sahaja membantu warga kerja HPUSM memahami dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan lebih teratur dan berasaskan standard kualiti yang ditetapkan, malah turut berperanan sebagai panduan berguna kepada pelajar, penyelidik serta pelanggan yang berurusan dengan makmal.

Sebagai tulang belakang kepada perkhidmatan diagnostik di hospital, CDL memainkan peranan penting dalam memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan keputusan ujian makmal bagi menyokong proses diagnosis serta menentukan rawatan terbaik kepada pesakit. Justeru, saya berharap buku panduan ini dapat memperkukuh kefahaman, mempertingkatkan kecekapan serta memastikan pematuhan berterusan terhadap piawaian keselamatan, kualiti dan profesionalisme dalam setiap aspek perkhidmatan makmal.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga CDL dan semua pihak yang terlibat dalam penyediaan serta penerbitan buku panduan ini. Semoga usaha ini menjadi asas kepada penambahbaikan berterusan dalam mutu perkhidmatan makmal dan seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan HPUSM sebagai pusat rujukan perubatan yang unggul dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

**PROFESOR DATO' DR. AB RAHMAN IZAINI BIN GHANI @ AB GHANI**

Pengarah

Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM)

## Prakata Penyelaras Pusat Makmal Diagnostik



Puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas Rahmat-Nya, Garis Panduan Perkhidmatan Pusat Makmal Diagnostik (CDL) Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) telah berjaya diterbitkan.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada panel penulis dan semua kakitangan yang telah bekerja keras untuk menghasilkan buku panduan ini.

Manual ini menyediakan garis panduan dan prosedur yang berkaitan dengan pengendalian dan penghantaran sampel makmal yang ditawarkan oleh Pusat Makmal Diagnostik (CDL).

Manual ini penting untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan di Pusat Makmal Diagnostik (CDL) bagi memenuhi keperluan MS ISO 15189 : piawaian akreditasi 2022.

Buku panduan yang mesra pengguna ini boleh diakses dengan mudah oleh pelanggan kami dan juga pengamal perubatan di HPUSM.


Akhir sekali, saya sangat berharap manual perkhidmatan ini dapat meningkatkan mutu perkhidmatan di Pusat Makmal Diagnostik (CDL) dan segala maklumat yang terkandung di dalam buku ini akan dijadikan sumber rujukan oleh semua pelanggan yang berurusan dengan CDL.

Sekian, Terima Kasih.

*w.norlina*

**Dr. Wan Norlina Wan Azman**  
**Penyelaras Operasi Makmal CDL**  
**Hospital Universiti Sains Malaysia**

## JAWATANKUASA PENERBITAN BUKU PANDUAN PERKHIDMATAN PUSAT MAKMAL DIAGNOSTIK (CDL) TAHUN 2025



Penghargaan kami juga ditujukan kepada:

Semua kakitangan Jabatan Patologi Kimia, Endokrin, dan Pemantauan Drug Terapeutik yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan buku panduan ini.

| INDEX | ISI KANDUNGAN                                                         | MUKA SURAT |
|-------|-----------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.0   | Pengenalan                                                            | 1          |
| 2.0   | Misi, Visi & Objektif                                                 | 2          |
| 3.0   | Maklumat Am Pusat Makmal Diagnostik                                   | 3          |
|       | 3.1 Pengenalan Pusat Makmal Diagnostik                                | 3          |
|       | 3.2 Fungsi                                                            | 3          |
|       | 3.3 Skop Perkhidmatan Pusat Makmal Diagnostik                         | 4          |
|       | 3.4 Lokasi                                                            | 5          |
|       | 3.5 Direktori                                                         | 5          |
|       | 3.6 Waktu Perkhidmatan                                                | 5          |
|       | 3.7 Pusat Penerimaan Sampel                                           | 6          |
|       | 3.8 Penggunaan Tiub Pneumatik                                         | 6          |
|       | 3.9 Aktiviti Pengurusan Kualiti                                       | 6          |
| 4.0   | Pengurusan Sampel                                                     | 7          |
|       | 4.1 Prosedur Permohonan Ujian                                         | 7-8        |
|       | 4.2 Prosedur Permohonan Ujian Segera                                  | 8-9        |
|       | 4.3 Pengambilan Sampel                                                | 10-14      |
|       | 4.4 Prosedur Penghantaran                                             | 14         |
|       | 4.5 Gangguan Kualiti Sampel                                           | 15         |
|       | 4.6 Jenis-Jenis Tiub/ Bekas Sampel                                    | 16-20      |
|       | 4.7 Kriteria Penolakan Ujian                                          | 21-22      |
|       | 4.8 Kos Ujian                                                         | 23         |
| 5.0   | Tatacara Penganalisaan Ujian                                          | 23         |
|       | 5.1 Senarai Ujian Beserta Dengan Kaedah Penghantaran Dan Julat Normal | 24         |

| INDEX | ISI KANDUNGAN                                                                                                               | MUKA SURAT |
|-------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
|       | 5.1.1 Senarai ujian Seksyen Patologi Kimia (Biokimia Rutin) Darah/Urin Berserta Dengan Kaedah Penghantaran Dan Julat Normal | 24-45      |
|       | 5.1.2 Senarai ujian Seksyen Endokrin darah/urin berserta dengan kaedah penghantaran dan julat normal                        | 46-54      |
|       | 5.1.3 Senarai ujian Seksyen Urin Analisis berserta dengan kaedah penghantaran dan julat normal                              | 55-56      |
|       | 5.1.4 Senarai ujian Seksyen Pemonitoran Drug Terapeutik (TDM) darah berserta dengan kaedah penghantaran dan julat normal    | 57-62      |
|       | 5.1.5 Senarai ujian Seksyen Immunologi darah berserta dengan kaedah penghantaran dan julat normal                           | 63-64      |
| 6.0   | Garis Panduan Pengurusan Keputusan Ujian                                                                                    | 65         |
|       | 6.1 Cara Pelaporan Keputusan Ujian (TAT)                                                                                    | 65-66      |
|       | 6.2 Nilai Panik                                                                                                             | 67         |
|       | 6.3 Pindaan Keputusan Ujian                                                                                                 | 67         |
|       | 6.4 Jaminan Kerahsiaan                                                                                                      | 67         |
| 7.0   | Prosedur Ujian Khas                                                                                                         | 68         |
|       | 7.1 Ujian Gas Darah Arteri (Arterial Blood Gas)                                                                             | 68         |
|       | 7.2 Koleksi Urin 24 jam                                                                                                     | 68         |
|       | 7.3 Urin Rawak ( <i>Rawak Urine</i> )                                                                                       | 69         |
|       | 7.4 Pemonitoran Drug Terapeutik ( <i>Therapeutic Drug Monitoring-TDM</i> )                                                  | 69         |
|       | 7.5 Ujian Amonia                                                                                                            | 69         |

| INDEX | ISI KANDUNGAN                                                    | MUKA SURAT |
|-------|------------------------------------------------------------------|------------|
|       | 7.6 Ujian Profil Lipid (Berpuasa)                                | 69-70      |
|       | 7.7 Ujian Oral Glucose Tolerance (OGTT)                          | 70         |
|       | 7.8 Ujian Routine Medical Examination (RME)                      | 71         |
| 8.0   | Lampiran                                                         | 72         |
|       | 8.1 Lampiran 1 (Borang Permohonan Ujian AM)                      | 72         |
|       | 8.2 Lampiran 2 (Borang Permohonan IMR & HKL)                     | 73-75      |
|       | 8.3 Lampiran 3 (Borang Ujian Saringan Hipotiroidisme Kongenital) | 76         |

## 1.0 Pengenalan

Pusat Makmal Diagnostik atau *Central Diagnostic Laboratory* (CDL) mula beroperasi di Hospital Pakar USM(HPUSM), Kampus Kesihatan Kubang Kerian pada 1 Jun 2023. CDL ini diwujudkan bagi mengintegrasikan ujian-ujian diagnostik yang ditawarkan oleh makmal-makmal di HPUSM termasuk ujian-ujian di Makmal Patologi Kimia, Endokrin, dan Pemonitoran Drug Terapeutik atau *Therapeutic Drug Monitoring* (TDM).

Selaras dengan objektif HPUSM menjadi satu pusat pendidikan perubatan dan penjagaan kesihatan, makmal ini dilengkapi dengan peralatan diagnostik automasi yang terkini. Automasi makmal (TLA) digabungkan ke dalam sistem bersepadu dengan pengautomasian penuh pra-analisa, analisa dan pasca-analisa. Selain itu, Pusat Penerimaan Sampel akan menerima sampel dari klinik, wad dan juga dari luar HPUSM. Penghantaran sampel dari Pusat Penerimaan Sampel ke CDL adalah menggunakan tiub pneumatik.

Sejajar dengan penubuhan HPUSM sebagai sebuah hospital pengajar, CDL akan menjadi pusat pengajaran dalam bidang kepakaran Patologi Kimia. Disamping itu juga, makmal ini juga akan digunakan oleh pelajar-pelajar Sains Perubatan, pelajar-pelajar Sains Kesihatan dan juga pelajar-pelajar latihan industri dalam bidang berkaitan dari seluruh IPTA dan juga IPTS.

Makmal ini juga akan menjadi pusat penyelidikan bagi bidang-bidang yang berkaitan makmal perubatan. Dibawah seliaan konsultan makmal yang berpengalaman dan dibantu oleh kakitangan yang kompeten diharap kewujudan makmal ini dapat memperkasakan HPUSM sebagai pusat kecemerlangan di rantau ini.

CDL telah mendapat pengiktirafan akreditasi MS ISO 15189:2022 oleh Standard Malaysia. Ini memandangkan skop-skop ujian yang ditawarkan oleh makmal ini telah mendapat pengiktirafan daripada Standard Malaysia sebelum ini.

## 2.0 Misi, Visi & Piagam Pelanggan

### MISI

Pusat Makmal Diagnostik (CDL) komited menyediakan perkhidmatan makmal diagnostik diperingkat HPUSM serta sebagai makmal rujukan dan penyelidikan.

### VISI

Pusat Makmal Diagnostik (CDL) akan menyediakan perkhidmatan diagnostik yang tepat, jitu, efisien, kos efektif dan berkualiti tinggi. Selain itu, menyediakan perkhidmatan perundingan dalam kepakaran Patologi Kimia.

### OBJEKTIF

1. Menyediakan perkhidmatan makmal diagnostik terkini dan perundingan dalam bidang patologi kimia (Biokimia Rutin, Endokrin dan Pemonitoran Drug Therapeutik).
2. Memastikan semua ujian dan aktiviti berkaitan dijalankan mengikut prosedur standard yang di dokumenkan menggunakan metodologi yang sesuai dan teknologi terkini.
3. Memastikan semua kakitangan makmal adalah kompeten dan mematuhi dasar dan prosedur, garis panduan, piawaian dan peraturan.
4. Menyediakan perkhidmatan patologi kimia selaras dengan keperluan MS ISO 15189 : 2022
5. Menyediakan latihan dalam kemahiran klinikal, teknologi dan analisis untuk kakitangan makmal, pelajar dan kakitangan dari institusi dalam USM dan luar baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.
6. Membantu dalam penyelidikan berkaitan perkhidmatan patologi kimia.

### 3.0 Maklumat Am Pusat Makmal Diagnostik

#### 3.1 Pengenalan

CDL adalah sebuah makmal pelbagai disiplin yang secara aktif terlibat dengan perkhidmatan diagnostik, penyelidikan dan pengajaran di bawah naungan HPUSM. Tujuan buku panduan ini diterbitkan adalah untuk memberi maklumat secara ringkas dan menyeluruh berkenaan skop perkhidmatan, pengambilan sampel daripada pesakit, analisa ujian dan pelaporan keputusan ujian. Buku panduan ini bertindak sebagai garis panduan untuk penggunaan makmal ini secara optimal supaya dapat mengurangkan ralat pre-analitik, analitik dan post-analitik.

Buku panduan ini dibahagikan kepada beberapa bahagian :

1. Maklumat umum berkenaan fungsi, skop perkhidmatan, lokasi, perhubungan, waktu perkhidmatan, pusat penerimaan sampel, penggunaan tiub pneumatik dan aktiviti-aktiviti berkaitan kualiti.
2. Bahagian pre-analitik ialah berkenaan ujian-ujian yang ditawarkan, jenis-jenis tiub pengumpulan sampel, prosedur pengambilan sampel, aturan pengisian bekas sampel (*order of draw*), pemesanan ujian, penghantaran sampel, penerimaan sampel, penolakan pesanan ujian, dan proses kerja.
3. Bahagian analisa ialah berkenaan kaedah ujian (*method*) dan tatacara penganalisaan ujian.
4. Bahagian pasca-analisa ialah berkenaan tatacara validasi dan pelaporan keputusan ujian.

#### 3.2 Fungsi

CDL menawarkan perkhidmatan diagnostik dalam ujian Patologi Kimia (Biokimia Rutin), Endokrin, dan TDM. Perkhidmatan ini akan dikawal selia oleh pakar-pakar Patologi kimia dan juga oleh pakar-pakar dari unit masing-masing.

Makmal ini juga akan bertindak sebagai pusat pengajaran dan penyelidikan bagi pelajar-pelajar Sarjana Patologi khususnya Sarjana Patologi Kimia, pelajar-pelajar Biomedikal, Juruteknologi Makmal Perubatan dan juga mana-mana pelajar-pelajar elektif yang berkaitan dengan makmal.

### 3.3 Skop Perkhidmatan di Pusat Makmal Diagnostik

Perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat Makmal Diagnostik kepada bahagian-bahagian tertentu seperti berikut:

- a) Seksyen Biokimia
- b) Seksyen Endokrin
- c) Seksyen TDM
- d) Seksyen Tumor Marker
- e) Seksyen Urin Analisis

Perincian berkenaan ujian-ujian yang ditawarkan mengikut seksyen dinyatakan dalam Bab 6. Perkhidmatan ini akan dikategorikan mengikut keperluan ujian dan pelaporan keputusan ujian.

#### 3.3.1 Perkhidmatan Ujian Segera

Perkhidmatan ini menawarkan analisis ujian-ujian yang memerlukan keputusan ujian yang segera agar sebarang tindakan pengurusan rawatan pesakit dapat dilakukan dengan dengan lebih efektif. Perkhidmatan ini ditawarkan secara 24 jam sehari.

#### 3.3.2 Perkhidmatan Rutin

Perkhidmatan ini menawarkan analisis ujian-ujian sepanjang 24 jam. Antara ujian-ujian yang termasuk dalam kategori ini adalah *renal function test (RFT)*, *liver function test (LFT)*, *C-Reactive Protein (CRP)*, dan sebagainya.

#### 3.3.3 Perkhidmatan Ujian Secara Berkala


Ujian diagnostik berkala yang dilakukan dalam tempoh masa tertentu bergantung kepada *laboratory turn around time (LTAT)* yang telah ditetapkan. Antara ujian yang ditawarkan adalah ujian *hormon*, *B12*, *Folate*, *Tumour Marker* dan Ferritin.

#### 3.3.4 Perkhidmatan Perundingan dan Konsultasi

Pihak makmal bersedia untuk memberi perkhidmatan perundingan dan konsultasi berkaitan dengan jenis ujian dan permohonan ujian mengikut keperluan pesakit. Keputusan ujian hanya dikeluarkan kepada pihak yang memohon ujian. Pihak makmal tidak mengeluarkan keputusan ujian secara langsung kepada pesakit/ pihak ketiga.

### 3.4 Lokasi

CDL dan Pusat Penerimaan Sampel terletak di aras bawah blok bangunan HPUSM berhampiran klinik-klinik. Rujuk peta lokasi.



Peta Lokasi Makmal CDL

### 3.5 Direktori

| Lokasi                          | Nombor Telefon (Sambungan)  |
|---------------------------------|-----------------------------|
| Penyelaras Operasi Makmal CDL   | 6489                        |
| Pegawai sains                   | 4012/4034                   |
| Konsultant Makmal On call       | Berdasarkan Jadual Bertugas |
| Pegawai Perubatan               | 6496/6484                   |
| JTMP Kanan                      | 6508                        |
| Kaunter CDL                     | 4025                        |
| Kaunter validasi CDL            | 4015                        |
| Kaunter Pusat Penerimaan Sampel | 4025                        |

### 3.6 Waktu Perkhidmatan

Penerimaan sampel dilakukan di **PUSAT PENERIMAAN SPESIMEN** semasa waktu pejabat.

| Hari           | Masa Operasi            |
|----------------|-------------------------|
| Ahad - Rabu    | 8.10 pagi – 4.30 petang |
| Khamis         | 8.10 pagi – 3.00 petang |
| Jumaat - Sabtu | Tutup                   |

Penerimaan sampel dilakukan di kaunter **CDL** selepas waktu pejabat

| Hari                               | Masa Operasi            |
|------------------------------------|-------------------------|
| Ahad - Rabu                        | 4.30 petang – 8.10 pagi |
| Khamis                             | 3.00 petang – 8.10 pagi |
| Jumaat -Sabtu<br>Cuti Kelepasan Am | 24 jam                  |

### 3.7 Pusat Penerimaan Spesimen

Pusat Penerimaan Spesimen ialah tempat pengumpulan semua jenis sampel dari wad, klinik, hospital luar dan pemeriksaan kesihatan. Pusat ini beroperasi pada waktu pejabat dan menguruskan sampel sebelum dihantar ke CDL melalui tiub pneumatik.

### 3.8 Penggunaan Tiub Pneumatik

Penggunaan tiub pneumatik adalah satu kaedah penghantaran sampel dari Pusat Penerimaan Spesimen ke CDL. Kaedah ini mempercepatkan proses penghantaran sampel dan juga menjimatkan penggunaan tenaga manusia. Walaubagaimanapun terdapat beberapa kekangan dalam penggunaan tiub pneumatik ini seperti berikut:

1. Hanya sampel darah boleh dihantar menggunakan tiub pneumatik.
2. Penutup tiub sampel perlu ditutup rapat sebelum sampel dimasukkan ke dalam bekas penghantar tiub pneumatik.
3. Penghantaran sampel seperti urin atau cecair badan, ujian gas darah dan *infectious* sampel (cth : COVID-19) adalah di LARANG sama sekali untuk mengelakkan sebarang kebocoran sampel. Sampel-sampel ini perlu dihantar sendiri oleh kakitangan makmal ke CDL untuk dianalisis.

### 3.9 Aktiviti Pengurusan Kualiti

CDL mementingkan kualiti dan kejituan setiap keputusan makmal yang dikeluarkan. Oleh itu, beberapa aktiviti kualiti telah dijalankan seperti berikut :

1. Pemantauan Kawalan Kualiti Dalaman (IQC) dan luaran (EQA)
2. Penglibatan dalam *Quality Assurance Programme* (QAP) untuk semua ujian yang ditawarkan
3. Pemantauan *laboratory turnaround time* (LTAT)
4. Kajian kepuasan pelanggan

## 4.0 Pengurusan Sampel

Pengurusan sampel makmal ialah seperti berikut:

1. Sampel (darah/urin/cecair badan) di terima dari wad, klinik HPUSM dan juga dari Hospital luar (kerajaan dan swasta).
2. Makmal tidak akan menerima sampel daripada sumber haiwan.
3. Projek penyelidikan dan *clinical trials* - Sampel projek penyelidikan akan diterima setelah mendapat kelulusan jabatan dan tuntutan akan dilakukan ke atas kos ujian mengikut kadar yang telah ditetapkan. Pihak penyelidik boleh berhubung dengan Pegawai Sains CDL untuk keterangan lanjut.
4. Permohonan USAINS dan dari luar HPUSM – Permohonan boleh diterima dan tuntutan akan dilakukan ke atas kos ujian selepas laporan dikeluarkan.
5. Ujian yang perlu dihantar ke makmal rujukan Jabatan Patologi, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ampang dan National Institute of Health (NIH/IMR) perlu berhubung dengan pihak makmal untuk keterangan lanjut.

## 4.1 Prosedur Permohonan Ujian

Kualiti keputusan ujian sangat bergantung kepada mutu sampel yang diterima oleh pihak makmal. Persediaan sebelum pungutan sampel (cth : penyediaan pesakit) semasa pungutan dan penghantaran sampel menjadi salah satu faktor penentu kepada mutu sampel bagi menghasilkan keputusan ujian yang tepat.

Semua permohonan ujian perlu dibuat melalui pautan <https://onelabcentre.kk.usm.my> .

Bagi ujian-ujian berikut perlu disertakan borang manual:

| Ujian                                                        | Jenis borang permohonan ujian                                           |
|--------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|
| Arterial blood gas                                           | Central Diagnostic Laboratory Request Form<br>(RP461/02/24)(Lampiran 1) |
| Semua ujian yang melibatkan sampel urin, stool & body fluid. |                                                                         |
| Serum dan urine osmolality                                   |                                                                         |
| Ujian Saringan Hipotiroidisme Kongenital                     | Borang ujian saringan hipotiroidisme kongenital (Lampiran 2)            |
| Agensi luar: IMR, HKL dsb                                    | Borang Permohonan IMR & HKL (Lampiran 3)                                |

Untuk kegunaan borang & LIS, maklumat seperti di bawah perlu dilengkapi :

1. Nama pesakit
2. Nombor Pendaftaran (RN) dan/atau No Kad Pengenalan
3. Jantina
4. Umur
5. Ringkasan klinikal
6. Tarikh dan masa pungutan sampel
7. Wad/Klinik/Hospital
8. Nama dan MPM pegawai perubatan
9. Tandatangan doktor (borang sahaja)
10. Ujian yang dipesan

**\*\*Semua permohonan ujian WAJIB didaftarkan dalam sistem LIS berdasarkan lokasi pesakit**

## 4.2 Prosedur Permohonan Ujian Segera

Berikut adalah merupakan definisi bagi permohonan **ujian SEGERA** :

4.2.1 Keputusan ujian diperlukan segera bagi membantu Pegawai Perubatan untuk membuat diagnosis/perawatan **SEGERA** terhadap pesakit.

### ATAU

Lain-lain sebab yang munasabah setelah Pegawai Perubatan berbincang dengan Pengarah Makmal/Konsultan Makmal yang bertugas.

4.2.2 Keutamaan akan diberi kepada pesanan dan sampel yang dipohon sebagai **SEGERA**. Sila rujuk 4.2.4 untuk senarai ujian **SEGERA**. Semua permohonan ujian **SEGERA WAJIB** dimaklumkan kepada pihak makmal melalui **TELEFON**. Permohonan boleh dibuat dengan langkah berikut:

- Telefon sambungan 4025 (waktu pejabat) dan 4015 (di luar waktu pejabat dan cuti AM)
- Sila maklumkan nama pesakit, RN, wad/klinik dan ujian yang dipesan.
- Hantar sampel dengan **SEGERA**.
- Ujian segera yang tidak dimaklumkan melalui telefon kepada makmal akan dianggap sebagai ujian **RUTIN**.

4.2.3 Sekiranya **LTAT** (*Laboratory Turn Around Time*) telah melebihi masa yang telah ditetapkan pihak wad boleh menelefon kaunter makmal CDL di sambungan **4015** untuk mendapatkan keputusan ujian.

**Nota :**

**\*\* LTAT bermaksud :** selang masa bermula dari sampel diterima di kaunter makmal sehingga masa laporan dihantar dengan pengesahan.

**\*\* Untuk ujian hs-Troponin T,** perlu mendapatkan kebenaran daripada Konsultan Makmal sebelum penghantaran sampel.

**\*\* Bagi ujian *Intraoperative Parathyroid Hormone* (ioPTH),** perlu mendapatkan temujanji dengan pihak makmal dan mematuhi prosedur makmal.

4.2.4 Ujian- ujian SEGERA adalah seperti berikut:

| Bil | Jenis ujian                                          |
|-----|------------------------------------------------------|
| 1.  | Amylase                                              |
| 2.  | Ammonia                                              |
| 3.  | Arterial Blood Gases (ABG)/ Venous Blood Gases (VBG) |
| 4.  | Aspartate Transaminase (AST)                         |
| 5.  | Acetaminophen                                        |
| 6.  | Beta Human chorionic gonadotropin ( $\beta$ -hCG)    |
| 7.  | Bilirubin (Neonatal)                                 |
| 8.  | BUSE                                                 |
| 9.  | Calcium                                              |
| 10. | Cortisol (serum)                                     |
| 11. | Creatinine                                           |
| 12. | Creatinine Kinase (CK)                               |
| 13. | Cerebral Spinal Fluid (CSF) Biochemistry             |
| 14. | Free T3                                              |
| 15. | Free T4                                              |
| 16. | Glucose (plasma)                                     |
| 17. | hs-Troponin T                                        |
| 18. | Lactate                                              |
| 19. | Lactate Dehydrogenases (LDH)                         |
| 20. | Magnesium                                            |
| 21. | Osmolality (Serum)                                   |
| 22. | Phosphate                                            |
| 23. | Salicylate                                           |
| 24. | Thyroid Stimulating Hormone (TSH)                    |

## 4.3 Pengambilan Sampel

### 4.3.1 Persediaan Sebelum Pengambilan Sampel

Terdapat beberapa faktor variasi yang mempengaruhi keputusan ujian semasa pengambilan sampel. Faktor-faktor ini termasuk berpuasa, pengambilan makanan, postur badan, ketegangan (stress) dan sebagainya. Prosedur pengambilan sampel harus mengambil kira faktor-faktor variasi ini.

Langkah-langkah berikut perlu dilakukan sebelum pengambilan sampel:

- Pastikan pesakit yang betul dengan menggunakan dua identiti (nama/RN/no.KP) yang terdapat pada pesakit.
- Amalkan teknik aseptik semasa pengambilan sampel bagi mengelak sebarang jangkitan kepada pesakit dan sampel dicemari oleh mikroorganisma.
- Untuk ujian urin, berikan arahan yang jelas kepada pesakit berkenaan langkah- langkah pengambilan sampel urin yang betul.

### 4.3.2 Pelabelan Sampel

Labelkan bekas sampel sebelum pengambilan sampel dilakukan di sebelah pesakit. Label mestilah dibuat dengan jelas dan lengkap dengan maklumat-maklumat berikut:

- i. Nama pesakit
- ii. Nombor Pendaftaran (RN) dan/atau No Kad Pengenalan
- iii. Tarikh dan masa pungutan
- iv. Wad/Klinik/Hospital
- v. Ujian yang dipesan

### 4.3.3 Pengambilan Sampel Darah


Tatacara pengambilan sampel darah

- a. Pilih salur darah yang sesuai dengan ujian yang dipohon. Kebanyakan ujian biokimia menggunakan darah vena. Darah arteri cuma diambil untuk ujian gas darah (ABG).
- b. Elakkan kesilapan memilih kedudukan atau lokasi venapuntur kerana ia boleh mempengaruhi keputusan ujian. Oleh itu cuba jauhi daripada:
  - i. menggunakan lengan sebelah lokasi *mastectomy*
  - ii. kawasan terdapat *oedema* dan atau *haematoma*
  - iii. lengan yang sedang ditransfusi darah atau cairan *intravenous* (IV)


- iv. lengan berfistula atau graf vaskular
- v. bahagian atas kanula IV
- c. Sapukan alkohol (70%) pada kulit di kawasan venapuntur dan pastikan ia kering sebelum jarum ditusuk bagi mengelakkan kemungkinan lisis sel darah yang boleh mempengaruhi keputusan ujian.
  - i. Elakkan stasis vena yang berpanjangan ( $> 1$  minit) dengan membebaskan tornikuet sebaik sahaja jarum menusuk vena. Stasis vena yang berpanjangan akan mengakibatkan peningkatan aras beberapa analit/keputusan ujian seperti *Protein, Cholesterol, Calcium* dan hormon.
  - ii. Lakukan dengan cermat bagi mengelak hemolisis dan trauma kepada tisu sekeliling yang boleh meningkatkan aras Potassium (K), LDH, CK dan AST.
  - iii. Pindahkan darah ke dalam tiub yang bersesuaian (Gambar 1) sehingga sampai tanda aras pada tiub. Ini adalah untuk memastikan nisbah darah kepada antikoagulan yang betul dapat dicapai.
  - iv. Jika lebih daripada satu jenis sampel darah diperlukan, pindahkan darah ke dalam tiub seperti aturan di bawah mengikut "Order Of Draw". Ini bertujuan meminimalkan kemungkinan kesalahan pra-analitik disebabkan oleh kontaminasi silang daripada *additives*.



Gambar 1



- a. Sebatikan dengan cermat bekas sampel berantikoagulan 6 – 10 kali sebaik sahaja sampel dimasukkan. Biarkan darah dalam tiub bullet/plain membeku pada suhu bilik.
- b. Untuk ujian ABG pungut darah arteri ke dalam picagari berheparin dan pastikan tiada sebarang gelembung udara terperangkap di dalam picagari. Tutup kemas picagari pada bahagian terbuka bagi mengelakkan darah terdedah kepada udara. Label dengan jelas dan rendamkan picagari dalam air berair.
- c. Buang bahan pengutipan sampel ke dalam Sharp Bin/ Biohazard bin.
- d. Untuk sampel menggunakan bullet/plain & gel tube:
  - a) Inversikan sampel sebanyak 5 kali inversi secara perlahan.
  - b) Biarkan darah membeku menegak selama 25 - 30 minit atau sehingga pembekuan selesai dan dapat dilihat.
  - c) Sampel dihantar ke makmal untuk diproses dan diemparkan.



#### 4.3.4 Pengambilan Sampel Urin

Ujian biokimia urin melibatkan pungutan urin 24 jam dan secara rawak (*rawak*). Pungutan urin 24 jam harus dilakukan dengan pemantauan yang tinggi. Berikan arahan yang jelas kepada pesakit berkenaan masa pengosongan pundi kencing (urin perlu dibuang) dan masa pungutan terakhir (urin mesti pungut). Arahan ini amat penting untuk mencapai isipadu urin yang diperlukan untuk analisa ujian.

Pastikan terdapat pengawet di dalam bekas pada permulaan pungutan bagi penaksiran analit yang memerlukan bahan pengawet tersebut. Pengawet ini mungkin bersifat racun atau mengkakis. Ingatkan pesakit agar jangan membuang bahan pengawet tersebut dan berhati-hati semasa mengendalikan bekas urin.

Pemakanan dan ubat-ubatan sebelum dan semasa pungutan sampel bagi ujian tertentu perlu diberi perhatian. Elakkan mengambil makanan yang mengandungi pisang, kopi, kafein, nenas, kacang walnut, garam, aspirin dan drug antihipertensif apabila memungut urin untuk ujian Cotecholamines. Elakkan ketegangan (stress), latihan fizikal yang melampau, merokok sebelum dan semasa urin dikumpulkan.

Langkah-langkah pungutan urin 24 jam:

- a. Pilih bekas pungutan yang sesuai
- b. Buang urin pada awal pagi dan mulakan pungutan selepas itu. Rekodkan tarikh dan masa di label yang terdapat pada bekas, contoh: 15/8/2009, 8:00 am.
- c. Pungut urin untuk tempoh 24 jam berikutnya. Jika pesakit ingin buang air besar, pundi kencing harus dikosongkan dulu untuk mengelakkan kehilangan urin dan tinja mencemari urin yang dipungut.
- d. Hentikan pungutan dan kumpul urin pada pagi berikutnya, tepat 24 jam.
- e. Sampel urin ini disyorkan disimpan di dalam peti ais sepanjang tempoh pungutan.
- f. Labelkan bekas urin dengan terang dengan nama pesakit, RN, wad, tarikh, waktu pungutan dan ujian yang dipohon.

Langkah-langkah pungutan urin rawak (*rawak*):

- a. Pungut urin dalam bekas universal
- b. Labelkan bekas urin dengan terang dengan nama pesakit, RN, wad, tarikh, waktu pungutan dan ujian yang dipesan.

\*Ringkasan klinikal wajib dinyatakan untuk permohonan nisbah albumin kepada kreatinin urin (uACR).

#### 4.3.5 Pengambilan sampel Stool, CSF dan lain-lain cairan badan

- a. Pungut stool, CSF dan lain-lain cairan badan dalam bekas universal.
- b. Labelkan bekas dengan nama pesakit, RN, wad dan tarikh.

### 4.4 Prosedur Penghantaran

Bagi menjaga keselamatan kakitangan yang mengendalikan sampel serta menjamin keputusan ujian yang bermutu dapat dikeluarkan, langkah- langkah berikut harus dipatuhi semasa proses penghantaran sampel:

- a. Dinginkan sampel ( $2^{\circ}\text{C} - 8^{\circ}\text{C}$ ) untuk ujian *ABG*, *Ammonia*, *ACTH* dan *Lactate*. Ini boleh membantu merencatkan metabolisme sel darah seterusnya menstabilkan konstituen yang mudah dirosakkan oleh haba. Pendinginan boleh dilakukan dengan menggunakan ketulan ais atau campuran air/ais. Pastikan sampel dilitupi pendingin yang digunakan dan dihantar ke makmal dengan segera selepas diambil.
- b. Semua sampel kecuali urin 24 jam mesti dihantar di dalam beg plastik sampel *biohazard*. Sampel dan borang pesanan perlu diasingkan di poket yang berbeza bagi mengelakkan borang dicemari jika berlaku sebarang ketirisan.  
Beg plastik sampel (*biohazard*) seperti Gambar 4.6.1
- c. Hantar semua sampel ke makmal secepat mungkin (dalam masa 2 jam selepas pungutan). Ini dapat membantu mengelakkan perubahan morfologi/kerosakan (*deterioration*) pada sel/komponen darah dan seterusnya boleh mengakibatkan keputusan yang salah (*erroneous results*).
- d. Jika beberapa sampel dimasukkan ke dalam satu beg plastik dan berlaku kebocoran sampel, semua sampel akan DITOLAK.

\*Satu beg plastik adalah untuk sampel pesakit yang sama.

- e. Sampel bersama borang diserahkan di kaunter penerimaan Pusat Penerimaan Spesimen/ Kaunter Pusat Makmal Diagnostik.
- f. Sebatikan dengan cermat bekas sampel berantikoagulan 6 – 10 kali sebaik sahaja selepas sampel dimasukkan. Biarkan darah dalam tiub bullet/plain membeku pada suhu bilik.
- g. Untuk ujian *ABG* pungut darah arteri ke dalam picagari berheparin dan pastikan tiada sebarang gelembung udara terperangkap di dalam picagari. Tutup kemas picagari pada bahagian terbuka bagi mengelakkan darah terdedah kepada udara. Label dengan jelas dan rendamkan picagari dalam air ber ais.
- h. Buang bahan pengutipan sampel ke dalam Sharp Bin / Biohazard bin.

## 4.5 Gangguan Kualiti Sampel

Kualiti sampel boleh terganggu jika berlaku kesalahan sebelum dan semasa pengambilan sampel, semasa penghantaran sampel dan semasa pemprosesan sampel. Beberapa masalah dan penyebab yang dikenal pasti adalah seperti berikut :

| Masalah                                                                           | Penyebab                                                                                                                         | Akibat                                                                                                           |
|-----------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| a) Salah tiub atau antikoagulan                                                   | Tiada perencat enzim                                                                                                             | Rendah glukos                                                                                                    |
|                                                                                   | Tiub EDTA untuk ujian biokimia rutin                                                                                             | Tinggi potassium (K)<br>Rendah<br>(Ca,Mg,phosphate, ALP, CK, iron)                                               |
| b) Lipaemia                                                                       | Sampel dipungut selepas pengambilan makanan berlemak, pesakit hipertrigliceridaemia, selepas rawatan TPN                         | Gangguan optikal bagi kebanyakan ujian rendah Sodium (Na) (palsu)                                                |
| c) Darah dicemari oleh cairan infusi                                              | Dextrans berberat molekul tinggi                                                                                                 | Aras protein total meningkat                                                                                     |
|                                                                                   | Dextrose                                                                                                                         | Tinggi glucose                                                                                                   |
|                                                                                   | Larutan crystalloid                                                                                                              | Keputusan palsu Na, K, Chloride (Cl)                                                                             |
|                                                                                   | Phosphate                                                                                                                        | Rendah ionized Ca                                                                                                |
|                                                                                   | Citrate                                                                                                                          | Tinggi Na (jika garam Na)                                                                                        |
| d) Gelembung udara untuk ABG                                                      | Picagari bocor/Tidak cukup penyumbat                                                                                             | Peningkatan pCO <sub>2</sub>                                                                                     |
| e) Hemolisis                                                                      | Sampel darah dipaksa keluar melalui jarum semasa diisi dalam bekas<br>-Sehati sampel dengan kasar<br>-Penghantaran terlalu lewat | Tinggi K, Phosphate, ALP, AST,LDH,ALT,CK, Mg, Ca, Alb,TP<br>Rendah troponin, bilirubin, amylase, bikarbonat, Na. |
| f) Nisbah antikoagulan:darah tidak betul (<90% daripada isipadu darah sepatutnya) | Cairan heparin berlebihan                                                                                                        | ABG tidak normal dan kepekatan <i>analytes</i> tercair                                                           |
| g) Darah membeku dalam bekas berantikoagulan                                      | Sampel tidak disehati dengan baik                                                                                                | Keputusan ABG palsu                                                                                              |
| h) Sampel tidak didinginkan atau lewat dihantar                                   | Tiada bahan pendingin dan penghantaran terlalu lewat                                                                             | Keputusan palsu NH <sub>3</sub> , Lactate dan ABG                                                                |

## 4.6 Jenis-jenis Tiub/ Bekas Sampel

### 4.6.1 Tiub sampel darah dewasa

| Tiub                                      | Imej                                                                                | Ujian                                                                                               | Isipadu | Mix |
|-------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|-----|
| Lithium Heparin                           |    | Biokimia<br>Segera                                                                                  | 3 ml    | 5x  |
| EDTA                                      |   | Ammonia<br>Endokrin (ACTH)<br>TDM (Cyclosporin)                                                     | 3 ml    | 8X  |
| Tiub plain dengan<br><i>Gel separator</i> |  | Biokimia<br>Immunologi<br>Endokrin<br>- Menggunakan tiub darah yang berasingan untuk setiap seksyen | 3.5 mL  | 5X  |

| Tiub                          | Imej                                                                                | Ujian                                                                | Isipadu | Mix |
|-------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------|---------|-----|
| Tiub bullet/plain (tanpa gel) |    | TDM<br>- Menggunakan tiub darah yang berasingan untuk setiap seksyen | 3.5 mL  | 5X  |
| Na-fluoride oxalate           |   | Glucose<br>Lactate                                                   | 2.0 ml  | 8x  |
| ABG syringe                   |  | Blood gas                                                            | 1.0 ml  | NA  |

| Tiub                                          | Imej                                                                              | Ujian                                               | Isipadu   | Mix       |
|-----------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------|-----------|-----------|
| <p>Sampel<br/>Beg plastik<br/>(biohazard)</p> |  | <p>Biokimia<br/>Immunologi<br/>Endokrin<br/>TDM</p> | <p>NA</p> | <p>NA</p> |

#### 4.6.2 Tiub sampel darah Paediatric

| Tiub                                               | Imej                                                                                | Ujian                                                                                                      | Isipadu | Mix |
|----------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|-----|
| Lithium Heparin                                    |    | Biokimia<br>Segera                                                                                         | 0.5 ml  | 8x  |
| Bullet tiub<br>Bullet/plain<br>tiub<br>(tanpa gel) |    | Biokimia<br>Immunologi<br>Endokrin<br>TDM<br>- Menggunakan tiub darah yang berasingan untuk setiap seksyen | 1.0 ml  | 5X  |
| Tiub plain<br>dengan<br>Gel<br>separator           |  | Biokimia<br>Immunologi<br>Endokrin<br>- Menggunakan tiub darah yang berasingan untuk setiap seksyen        | 1.0 ml  | 5X  |
| EDTA                                               |  | Ammonia<br>Endokrin (ACTH)<br>TDM (Cyclosporin)                                                            | 1.0 ml  | 5X  |

#### 4.6.3 Bekas sampel untuk urin/cecair badan

| Tiub                       | Image                                                                              | Ujian                                                                                                                               | Isipadu                                                                                                                                                     | Mix |
|----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 24-hour urine container    |   | Biokimia<br>- 24-hour urine (Urea, Copper, Sodium, Protein, Cortisol, Creatinine, Albumin, Calcium, Chloride, Phosphate, Potassium) | <i>Collect over-night (no minimum/Maximum volume)</i><br><br><i>To request additional container if the amount of urine collected exceeds one container.</i> | NA  |
| Strile universal container |  | Analisis biokimia urin, CSF, lain-lain cecair badan dan juga stool                                                                  | NA                                                                                                                                                          | NA  |

#### 4.6.4 Pelabelan sampel tiub

Tiub sampel perlu dilabel sebelum pengutipan sampel daripada pesakit. Contoh pelabelan yang betul :



**Nota :** Pelabelan sampel haruslah tidak menutupi 'window' untuk supaya isipadu darah dapat dilihat.

## 4.7 Kriteria Penolakan Ujian

### 4.7.1 Kriteria penolakan umum

| KRITERIA UMUM PENOLAKAN SAMPEL                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|--------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Terdapat kesilapan dalam proses pendaftaran pesanan | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak mendaftar pesanan melalui sistem LIS</li> <li>• Tidak menyertakan borang permohonan seperti ditetapkan</li> <li>• Tidak mengisi maklumat pada LIS/ borang pesanan dengan lengkap.</li> <li>• *Setiap borang wajib mempunyai nama dan RN pesakit</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                          |
| 2. Tidak menepati prosedur                             | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan borang yang salah bagi ujian yang memerlukan borang</li> <li>• Memohon ujian yang tidak ditawarkan</li> <li>• Memohon serentak ujian yang sama pada suatu masa</li> <li>• Tidak menyertakan sampel</li> <li>• Isipadu sampel yang tidak mencukupi</li> <li>• Penghantaran sampel yang tidak dilabel</li> </ul>                                                                                                                                                                                |
| 3. Integriti sampel diragui                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan jenis sampel yang salah</li> <li>• Menggunakan bekas sampel yang salah/rosak/bocor/ melepasi tarikh luput</li> <li>• Penghantaran sampel tertentu tidak menepati kaedah seperti sampel gas darah (ABG), ammonia dan lactate tidak didinginkan</li> <li>• Sampel beku (clotted), 'hemolyzed', 'diluted' (drip line), berlebihan</li> <li>• Masa penghantaran yang lama (sampel melebihi 2 jam dari masa pengambilan)</li> <li>• Kontaminasi dikesan semasa pemeriksaan kasar sampel</li> </ul> |
| 4. Maklumat pesakit dan pelabelan diragui              | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Maklumat pada LIS/ borang dan label bekas sampel tidak sepadan</li> <li>• Bekas sampel tidak dilabel/ salah label atau berlabel tidak betul.</li> <li>• Tiada dicatat nama/RN</li> <li>• Maklumat pemohon tidak lengkap – nama pegawai perubatan, MPM, tandatangan dan cop (borang)</li> <li>• Maklumat indikasi klinikal, diagnosis dan perawatan tidak lengkap</li> </ul>                                                                                                                               |

|                             |                                                                                                                                                                                                                              |
|-----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5. Memudaratkan keselamatan | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak menggunakan bekas plastik khas yang mengasingkan sampel /borang</li> <li>• Bekas yang digunakan bocor atau tiris</li> <li>• Borang atau bekas tercemar oleh sampel</li> </ul> |
